

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	7 October 2015

# GLC perlu bantu kerajaan - Najib



Oleh FADZIL ZAINOL DAN MOHD.  
ASRON MUSTAPHA  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 6 OKT.

**S**EKTOR korporat diminta memainkan peranan untuk membantu kerajaan bagi menjana perkembangan ekonomi negara memandang sumber kerajaan bagi melancarkan pakej-pakej rangsangan ekonomi baharu adalah terhad.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, sejak krisis kewangan Asia 1998, syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) sudah mempunyai tahap kesihatan kewangan yang baik dan berkedudukan kukuh khususnya hasil pelaksanaan Program Transformasi GLC.

Menurut beliau, sumber kerajaan adalah terhad bagi melancarkan pakej-pakej rangsangan ekonomi seperti mana yang dilakukan pada 2008 dan 2009, tetapi kini menjadi keperluan kepada GLC memainkan peranannya membantu kerajaan dan negara.

"Saya meminta mereka dengan semangat bagi pembangunan nasional, untuk lebih banyak melabur demi masa depan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan inovasi untuk menggerakkan negara.

**Saya meminta mereka dengan semangat bagi pembangunan nasional, untuk lebih banyak melabur demi masa depan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan inovasi untuk menggerakkan negara."**

**DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK**  
Perdana Menteri

"Semua syarikat ini mempunyai kapasiti, saya mahu mereka memainkan peranan masing-masing," katanya berucap menutup Forum Megatrends Khazanah 2015, di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar, Timbalan Pengerusi Khazanah Nasional Bhd., Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Pengarah Urusan Khazanah Nasional Bhd., Tan Sri Azman Mokhtar.

Semasa pengumuman Langkah-Langkah Proaktif Ekonomi bulan lepas, kerajaan mengaktifkan semula ValueCap dengan dana sebanyak RM20 bilion untuk dilaburkan di dalam pasaran tempatan yang telah merosot akibat ketidaktentuan ekonomi dunia.

ValueCap yang akan diuruskan bersama oleh Khazanah, Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP) dan Permodalan Nasional Bhd. (PNB), akan membeli saham-saham syarikat di Bursa Malaysia yang kini didagangkan rendah berbanding harga pasaran.

Jelas Najib, kerajaan mempunyai sumber yang teihad memandangkan fokus kini diberikan untuk mengurangkan deisit hskal dan hutang negara.

"Tidak pernah terjadi di dalam sejarah kita apabila terdapat banyak faktor ketidaktentuan pasaran luar berlaku dalam satu masa.

"Ia telah memberi kesan kepada ekonomi dan memperlahankan pertumbuhan ekonomi negara di bawah paras lima dan enam peratus berbanding yang kita harapkan dan juga kemerosotan ringgit. Dengan itu, kini adalah sangat penting kepada kita untuk berubah kepada ekonomi yang berasaskan inovasi," katanya.